



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 45

12hb Julai 2001

TAMBAHAN No. 6

No. 14

PERUNDANGAN

M. P.U. 6.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (NEGERI MELAKA) 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 tahun 1991*] selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut subseksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, dan disiarkan menurut subseksyen 30(1) Enakmen itu.

AJARAN QADIANI (QADIANIAH/AHMADIAH)

1. Puak Qadianiah/Ahmadiyah adalah puak yang terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengkebumian dalam tanah perkuburan Islam.
2. Oleh yang demikian –
 - (a) mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang pada ajaran dan fahaman Qadianiah/Ahmadiyah ini adalah murtad; dan
 - (b) orang Islam yang telah mengamalkan ajaran Qadianiah/Ahmadiyah di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Bertarikh 2 Julai 2001.

Dated 2 July 2001.

[PMM/0007 Jld. 3(27); PUN(M)351/27]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH

Mufti,

Negeri Melaka